

# PENGURUSAN PENYAKIT-PENYAKIT KOKO

## Kenal pasti bahagian berpenyakit

Buah

Batang / dahan

## Kenal pasti simptom

Buah Hitam

Buah Perang

VSD

Hawar Bebenang

Kanker

-Tompok coklat gelap pada permukaan buah  
-Bahagian bertompok **keras** apabila ditekan  
-Dalam keadaan yang sesuai, terdapat debu (spora) **putih** menyelaputi buah

-Tompok coklat gelap pada permukaan buah  
-Bahagian bertompok **lembut** apabila ditekan  
-Dalam keadaan yang sesuai, terdapat debu (spora) **hitam seperti jelaga** menyelaputi buah

-Daun kuning dan kering  
-Tiga **titik perang** pada parut daun apabila ditanggalkan  
-Kulit pada permukaan ranting **kasar** dan terasa berbiji  
-**Jalur perang** memanjang kelihatan apabila ranting dibelah

-Jalur **bebenang miselium putih** (hawar bebenang putih) atau **hitam** (hawar bebenang hitam) menjalar pada permukaan dahan dan daun  
-Daun **tidak gugur** dan berjuntai

-Tompok **lembap dan gelap** pada permukaan luar batang/dahan  
-Tompok **merah** akan kelihatan apabila bahagian tersebut dikikis



## Langkah kawalan

-Buang semua buah yang berpenyakit keluar dari kebun  
-Musnahkan buah berpenyakit dengan membakar atau jemur bawah matahari  
-Pemangkasan untuk kurangkan perlindungan dan kelembapan  
-Sembur racun Ridomil (bahan aktif: Metalaxyl) jika serius

-Cantas ranting yang berpenyakit (30cm jauh dari bahagian yang dijangkiti)  
-Buat pemangkasan pembersihan sebulan sekali  
-Sembur racun Tilt (bahan aktif: Propiconazole) jika serius  
-Jika serangan VSD merebak keseluruh kebun, pemangkasan keseluruhan kebun hendaklah dijalankan. Baja urea ditabur sebelum pemangkasan.  
-Kapur tanah setahun sekali

-Cantas bahagian yang berpenyakit  
-Buang semua daun-daun yang menimpa dahan koko  
-Kurangkan perlindungan berlebihan

-Kikis dan buang bahagian tompok merah. Sapu dengan Ridomil dan dedahkan kepada cahaya matahari  
-Buang dan musnahkan buah hitam (patogen kanker dan buah hitam adalah kulat yang sama)